

26/05/2003

Kerajaan tidak paksa swasta beri bonus: Dr Mahathir

Wan Jailani Razak; Tuan Nazuri Tuan Ismail

LANGKAWI: Kerajaan tidak memaksa syarikat swasta membayar bonus kepada kakitangannya seperti dilakukan kerajaan ketika mengumumkan Pakej Strategi

Baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan tidak menghalang syarikat swasta untuk membayar bonus kepada kakitangannya jika mereka mampu berbuat demikian.

Beliau berkata, kerajaan membayar bonus kepada kakitangannya kerana kerajaan mampu tetapi langkah itu tidak perlu diikuti syarikat swasta jika mereka tidak mampu untuk turut membayar bonus.

Katanya, ini kerana kerajaan faham bahawa banyak syarikat swasta yang mengalami kemerosotan dalam perniagaan disebabkan kelembapan ekonomi dunia ketika ini.

"Itu (supaya syarikat swasta membayar bonus kepada kakitangannya) kerajaan tidak paksa. Sekarang syarikat swasta banyak yang merosot. Jadi,

yang kita nak kait dengan yang lain (syarikat swasta) tak payahlah.

"Ini (pembayaran bonus) kerajaan yang mampu bagi. (Syarikat) swasta yang mampu pun boleh bagi," katanya selepas majlis menyambut ketibaan perenang maraton, Abdul Malik Mydin di Jeti Kuah, semalam.

Dalam Pakej Strategi Baru berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini, kerajaan mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada hampir sejuta kakitangannya.

Kesanggupan kerajaan itu dibuat bagi menggalakkan rakyat berbelanja dalam negara bertujuan meningkatkan kuasa membeli dan sekali gus membantu merencanakan perkembangan ekonomi negara.

Pembayaran bonus itu menyebabkan ada kakitangan swasta yang berasakan mereka juga berhak dibayar bonus bagi membantu usaha kerajaan itu.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini syarikat swasta membayar banyak bonus kepada kakitangannya, malah lebih tinggi daripada apa yang diberikan

kerajaan kepada kakitangannya.

"Tetapi kakitangan dan pegawai kerajaan tidak pernah minta supaya diberi bonus yang sama dengan apa yang diberikan syarikat swasta kepada kakitangannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, memang benar kerajaan membayar bonus kepada kakitangannya sebagai merangsang ekonomi negara tetapi jika rakyat berbelanja lebih daripada apa yang mereka ada, ia hanya akan menyebabkan ekonomi merosot.

"Jika nak rangsang (ekonomi) pun, kalau membelanjakan duit lebih

banyak  
daripada apa yang kita ada, ia bukan merangsangkan ekonomi tetapi akan  
menyebabkan ekonomi kita merosot," katanya.